

Sunway Construction menang bida projek jejambatan MRT Corp

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menganugerahkan Pakej Kerja Jejambatan V201 bagi pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) bernilai RM1.21 bilion kepada Sunway Construction Sdn Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar, berkata di bawah pakej kerja itu, kontraktor akan membina dan menyiapkan jejambatan serta kerja lain berkaitan bagi sebahagian jajaran bertingkat Laluan MRT SSP sepanjang 4.9 kilometer (km) dari Sungai Buloh ke Persiaran Dagang, Sri Damansara.

Katanya, penganugerahan itu dibuat pada satu mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Seheniti (OSPC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

“Ini adalah pakej kerja jejambatan kedua yang dianugerahkan bagi pembinaan Laluan SSP selepas penganugerahan Pakej

Kerja V202 minggu lalu kepada Ahmad Zaki Sdn Bhd.

“Kedua-dua kontraktor ini akan dapat membersihkan tapak mereka dan menggerakkan jentera mereka untuk memulakan kerja pembinaan tidak lama lagi,” katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Perkembangan baik

Shahril berkata, ia adalah satu perkembangan amat baik dan beliau yakin projek itu akan menepati jadual ditetapkan dengan memastikan Fasa 1 Laluan SSP mula beroperasi pada suku kedua tahun 2021 dan seluruh laluan pada suku kedua tahun 2022.

Katanya, semua tender yang berjaya dipilih berdasarkan penilaian tender terbaik dengan tender yang dinilai berdasarkan aspek teknikal dan komersial.

“Ini bermakna tender yang berjaya tidak semestinya tender dengan harga paling rendah. Bagaimanapun, peni-

“

*Di bawah pakej kerja itu, kontraktor akan **membina dan menyiapkan jejambatan serta kerja lain berkaitan** bagi sebahagian jajaran bertingkat Laluan MRT SSP sepanjang 4.9 kilometer (km) dari Sungai Buloh ke Persiaran Dagang, Sri Damansara”*

Shahril Mokhtar,
Ketua Pegawai
Eksekutif MRT Corp

lain tender terbaik bagi pakej kerja ini juga adalah tender pada harga paling rendah antara empat tender yang dikemukakan,” katanya.

Sunway Construction juga adalah kontraktor Pakej Kerja Pakej V4 bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang. Berdasarkan itu, ia telah pra-layak untuk memasuki tender bagi Pakej Kerja pembinaan jejambatan bagi Laluan MRT SSP.

37 stesen

Laluan SSP adalah sepanjang 52.2 km dengan 13.5 km adalah bawah tanah. Ia merangkumi 37 stesen dan 11 daripadanya adalah stesen bawah tanah.

Secara keseluruhannya, ada 66 pakej kerja yang ditender untuk pembinaan Laluan SSP. Ini termasuk 10 pakej jejambatan, satu pakej kerja bawah tanah, dua pakej kerja depot, 10 pakej kerja stesen, dan 15 pakej kerja medan tempat letak kereta bertingkat.